

05 DEC 1998

SABAH TURUT BAYAR RM400 KEPADA KAKITANGAN AWAM

KOTA KINABALU, 5 Dis (Bernama) -- Kakitangan awam negeri akan turut menerima pemberian kewangan berjumlah RM400 selaras dengan bantuan kewangan serupa yang diumumkan bagi kakitangan awam Persekutuan pada Rabu lepas.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok berkata, tempoh pembayaran bantuan kewangan itu akan diselaraskan dengan pembayaran oleh kerajaan Pusat kepada kakitangannya.

"Kerajaan negeri akan sentiasa menyokong apa juga bentuk keputusan atau cadangan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan demi kepentingan semua pihak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Titian Emas di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir pada Rabu lepas mengumumkan bantuan kewangan berkenaan yang akan meliputi semua kakitangan awam Persekutuan, kecuali mereka yang dalam jawatan utama sektor awam (jusa).

Antara lain bantuan kewangan itu ialah bagi membantu kakitangan berkenaan untuk membiayai keperluan pelajaran anak-anak.

Sabah sejak beberapa tahun lepas telah membayar bonus kepada kakitangannya dengan kadar yang sama seperti yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan.

-- BERNAMA

JS PR